Nama Murid : 

Kelas :

**Latihan 2** (K.A) 4.1.2:Murid dapat menyatakan maksud dan bentuk Pantun Dua Kerat (Nasihat)

(K.T) 2.1.2 : Membaca secara mekanis pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul dan nada yang sesuai

Padankan rangkap pantun berikut dengan maksud.

| | |
|---|---|
| Berapa jauh wujud dengan sifat,<br>Sejauh lutut dengan pelipat. | Seseorang yang tidak mahu berusaha atau berikhtiar akan gagal. |
| Sarang semut dalam gelap,<br>Orang selimut selalu lelap. | Walaupun diri seseorang itu mempunyai kekurangan, dia tetap mempunyai keistimewaan atau kelebihan tersendiri. |
| Hitam-hitam pucuk kawa,<br>Sungguh hitam dipandang lawa. | Setiap perbuatan dan tindakan yang dilakukan berkait rapat dengan sifat seseorang itu sendiri. |
| Emas , perak tembaga suasa,<br>Malas bergerak tidak merasa. | Kesungguhan dan kecekalan dalam melakukan pelbagai tugas atau kerjaya. |
| Buah sintang buah senikul,<br>Satu memegang satu memikul. | Orang yang asyik berselimut akan menjadi orang yang kuat tidur. |

Jawab soalan berikut.

1. Apakah gaya bahasa " satu memegang satu memikul"?

   ________________________________________

2. Nyatakan pengajaran yang terdapat dalam Pantun Dua Kerat (Nasihat).

   ________________________________________

3. Apakah nilai yang terdapat dalam rangkap kelima Pantun Dua Kerat (Nasihat)?

   ________________________________________

4. Sebagai seorang murid, apakah usaha yang perlu dilakukan untuk mencapai kejayaan dalam akademik?

   Pada pendapat saya, usaha yang perlu dilakukan untuk mencapai kejayaan dalam akademik ialah kita mesti

   ________________________________________. Selain itu ,

   ________________________________________

memberi perhatian sewaktu guru sedang mengajar

Nilai kerajinan

Kita mestilah berusaha untuk mencapai sesuatu kejayaan

Kita perlu mempunyai jadual belajar yang teratur.

Repitasi

LIVEWORKSHEETS